

# KARATE LUBUK EMAS NEGARA

*Sumbang enam emas, tujuh perak, empat gangsa pada Sukan Universiti Asean 2022*



20<sup>th</sup> ASEAN UNIVERSITY GAMES 2022  
Ubonratchathani Thailand  
Games for Sustainability

Oleh Syazwan Msar  
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Ubon Ratchathani  
(Thailand)

Acara karate terus 'bertakhta' sebagai penyumbang terbesar emas untuk negara sepan-



*Ada acara yang dilihat kita agak sukar untuk meraih pingat pada penyertaan sebelum ini namun edisi 2022 atlet tampil lebih meyakinkan"*

**Mohd Aniq Hilman**

jang tempoh empat hari berlangsungnya Sukan Universiti Asean (AUG) 2022. Setakat ini pasukan karate negara sudah menyumbang enam emas, tujuh perak dan



SKUAD karate negara bersama pingat dimenangi mereka di temasya AUG di Ubon Ratchathani.

empat gangsa iaitu antara pencapaian terbaik berjaya direkodkan atlet Malaysia dalam sukan berkenaan.

Hari terakhir acara karate menyaksikan wakil negara menambah dua lagi pingat perak masing-masing bagi acara kumite berpasukan lelaki dan wanita. Kumite berpasukan lelaki negara terpaksa akur kepada kehebatan peserta Indonesia apabila tewas 2-3 pada pertarungan yang berlangsung di Kampus Ban Yang Noi, semalam.

Nasib sama dilalui kumite berpasukan wanita apabila mereka yang diletakkan ha-

rapan untuk membawa pulang emas turut dikecewakan wakil Sang Garuda 1-2. Kelmarin, Malaysia terus membuktikan penguasaan dalam sukan terabit apabila berjaya meraih dua emas, dua perak dan tiga gangsa pada hari ketiga acara berkenaan dipertandingkan.

Untuk rekod, karate membuat kejutan pada hari kedua AUG berlangsung apabila sudah menyumbang tiga emas, tiga perak dan satu gangsa.

Menurut pengurus pasukan, Mohd Aniq Hilman Abdul Mutallip, barisan atlet

negara pada kali ini sememangnya tampil lebih bersedia untuk meraih lebih banyak kejayaan berbanding edisi 2018 di Myanmar.

Walaupun mendapat tentangan sengit daripada wakil tuan rumah dan Indonesia, mereka tetap konsisten untuk memastikan mampu membawa pulang pingat untuk negara.

"Ada acara yang dilihat kita agak sukar untuk meraih pingat pada penyertaan sebelum ini namun edisi 2022 atlet tampil lebih meyakinkan, sekali gus mampu mencapai sasaran ditetapkan iaitu empat emas," katanya.